

Pelabur yakin langkah kita 'bersihkan' negara

BH
-10/1/2023
m/s: 1 & 3



Daripada Ahmad Zaini
Kamaruzzaman

bhnews@bh.com.my

Jakarta: Pelabur bertambah yakin untuk melabur di Malaysia berikutan langkah Kerajaan Perpaduan membersihkan nama negara yang tercalar kerana rasuah dan salah guna kuasa sejak beberapa tahun lalu. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pelabur memberikan reaksi positif walaupun beliau kerap bercakap mengenai kepincangan tata kelola pentadbiran negara terdahulu dan dilaporkan oleh media.

“Keterbukaan Malaysia dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa serta langkah tegas menentangny menarik minat sektor perniagaan di Indonesia.”



Nasional 3

Ketelusan cetus minat pelabur jadikan Malaysia destinasi pilihan

Dari Muka 1

“Mereka yakin kita memudahkan mereka untuk menjalankan perniagaan di Malaysia,” katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatannya ke Indonesia, petang semalam.

Anwar berkata dalam sesi pertemuan dengan mereka, kerajaan menyatakan secara jelas dengan janji memudahkan urusan, termasuk kelulusan segera di semua bahagian.

“Mereka juga diberikan jaminan yang jelas oleh menteri-menteri kita keadaan akan berubah.

“Isu ketelusan dan tiada lagi komisen dibangkitkan. Mereka yakin perubahan berlaku dalam landscape politik baharu negara,” katanya.

Anwar juga berkata, komitmen memastikan ketelusan mencetuskan minat mereka menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

“Malaysia boleh menarik minat mereka dalam bidang ekonomi baharu,” katanya.

Anwar berkata, Pengasas dan Pengerusi CT Corp, Chairil Tanjung semalam juga menyatakan minat untuk menerokai peluang pelaburan di Malaysia.

Perdana Menteri dalam beberapa program yang dihidrinya memaklumkan hadirin beliau tidak akan bertolak ansur dengan

amalan rasuah dan salah guna kuasa dan sanggup kehilangan kuasa.

Sementara itu, ketika Forum Kepimpinan di sini yang mana beliau menyampaikan syarahan yang dihadiri pemimpin masyarakat, politik dan ahli perniagaan, Anwar ditanya beberapa kali berhubung isu pekerja Indonesia di Malaysia, termasuk kebajikan dan cara pengambilan.

Presiden Indonesia, Joko Widodo juga berharap Putrajaya dan Jakarta dapat menyediakan formula sebuah sistem yang lebih baik menguruskan pekerja Indonesia di Malaysia.

Anwar berkata Malaysia sedang mengkaji proses pengambilan pekerja menggunakan kaedah digital bagi menghapuskan peranan orang tengah.

Katanya, kerajaan memahami isu rakyat negara jiran itu yang juga majoriti pekerja asing di Malaysia bergantung kepada ejen dan proses pengambilan secara digital adalah langkah sebaiknya.

Selain permohonan pelbagai sektor pekerjaan termasuk perlombongan dan perkhidmatan, pengambilan secara pendigitalan termasuk untuk pekerja domestik.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri akan berbincang minggu depan untuk menentukan butiran sistem terbaik melaksanakannya.